

## KHUTBAH JUMAAT

### “HALALAN TOYYIBA ASAS KEUTUHAN UMMAH” (22 Disember 2023/ 9 Jamadilakhir 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْغَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Khutbah pada kali ini akan membicarakan “**Halalan Toyyiba Asas Keutuhan Ummah**”.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Perkataan 'HALAL' membawa maksud yang luas tentang tatacara hidup orang Islam yang menitikberatkan aspek *halalan thoyyiba* iaitu kesucian, amalan kebersihan dan kehidupan yang sihat serta halal. Dari sudut pandangan Islam, makanan yang baik lagi halal mampu membentuk ketrampilan peribadi seseorang yang akhirnya akan menyumbang kepada pembentukan ummah. Sebagai umat Islam kita wajib memastikan sumber makanan dan minuman adalah halal dan memenuhi panduan makanan dalam Islam. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطْوَاتِ  
الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ (١٦٨)

**Maksudnya:** *Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.*

Imam Ibn Kathir *rahimahullah* dalam kitabnya Tafsir Ibn Kathir menyatakan bahawa: "*perkataan thoyyiba itu membawa maksud baik, bermanfaat dan elok dari segi tabiat dan syarak.*"

*Thoyyiba* merangkumi dua perkara iaitu soal fizikal dan kerohanian. Ia mestilah selari dengan syariat, tidak bercanggah dengannya dan disertai dengan keikhlasan kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Makanan yang halal di sisi syara' adalah makanan yang bersih

zatnya, suci kaedah perolehannya serta bebas dari sebarang kemudaratan.

Sebaliknya, sesuatu makanan yang haram sekalipun lazat rasanya, harum baunya, tetap keji di sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Sayyidina Abu Hurairah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda yang maksudnya:

*(( Sesungguhnya Allah Ta'ala Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang yang beriman untuk (melakukan) perintah yang disampaikan kepada para nabi. Kemudian beliau membaca firman Allah, 'Wahai rasul-rasul, makanlah daripada makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amalan yang soleh.' Dan firman-Nya, 'Wahai orang yang beriman, makanlah daripada makanan yang baik-baik yang telah Kami anugerahkan kepadamu. 'Kemudian beliau menceritakan seorang lelaki yang melakukan perjalanan jauh (lama), tubuhnya diliputi debu lagi kusut, dia menadah tangannya ke langit dan berdoa, 'Ya Rabbku, ya Rabbku'. Akan tetapi makanannya haram, minumannya haram, dan ia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dikabulkan?")*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

Oleh sebab itu, sebagai seorang Islam termasuklah pengusaha makanan halal, dan pengguna, hendaklah mengambil kira setiap perkara sama ada dari segi modal perniagaan, pelaburan, dan hasil pendapatan agar dijauhi dari unsur-unsur yang haram seperti judi,

riba, rasuah dan sebagainya.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Islam amat menitikberatkan persoalan makanan yang halal dan bersih kepada umatnya. Sesuatu makanan yang haram apabila dimasukkan ke dalam tubuh seseorang akan mendatangkan kesan yang mendalam kepada tingkah laku, budi pekerti, kejernihan hati nurani dan penerimaan doa yang dipanjatkan ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala*.

Panduan pemakanan di dalam Islam adalah berlandaskan konsep "*memberi kemudahan, menjaga nyawa, menjamin kesihatan tubuh badan dan akal*". Oleh sebab itu, setiap makanan yang memberi manfaat kepada tubuh badan dan akal fikiran adalah dibenarkan oleh syarak. Manakala makanan yang haram dan memudaratkan fikiran serta badan diharamkan dan ditegah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Nahl, ayat 114-115 yang bermaksud:

*"Oleh itu, makanlah (wahai orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata. Sesungguhnya, Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah. Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu, maka tidaklah ia berdosa), sesungguhnya Allah*

*Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

Oleh kerana itu, agama Islam telah meletakkan garis panduan dalam pemakanan. Makanan yang hendak dimakan, dipilih atau diproses mestilah berasaskan *halalan toyyiba*. Kita wajib memilih makanan yang halal, yang mempunyai unsur baik dari sudut kesihatan dan keselamatan serta menjauhi makanan yang haram, kerana di sebalik perkara yang haram itu terdapatnya bahaya dan kemudaratan. Seorang ulama terkenal Sahl bin Abdullah al-Tusturi *rahimahullah* berkata:

*"Sesiapa yang makan makanan haram, maka akan bermaksiatlah anggota tubuhnya sama ada atas kehendaknya atau tidak, sama ada dia tahu atau tidak, dan sesiapa yang makan makanan yang halal, maka seluruh anggota tubuhnya akan tunduk taat dan mudah melaksanakan kebajikan."*

Ini menunjukkan bahawa pemakanan halal mempunyai pengaruh yang penting dalam kehidupan di dunia ini dan berkait rapat dengan balasan hari akhirat. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( ... وَأَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا فَالنَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ ))

**Maksudnya:** *Sesiapa sahaja daripada kalangan manusia, dagingnya itu tumbuh dari perkara yang haram dan amalan riba, api nerakalah yang patut (untuk membakar dan menghilangkan) daging tersebut.*

*(Hadis riwayat Imam at-Tabarani)*

Di dalam mengharungi perkembangan semasa pada era global dunia hari ini, banyak makanan dan minuman yang ditawarkan kepada kita perlu diperiksa dan diteliti dengan sebaik-baiknya. Dalam hal ini, perkara yang halal lagi baik hendaklah menjadi keutamaan kita, manakala yang haram dan tidak baik hendaklah dihindari. Kita juga dituntut agar menjauhi barang-barang syubhah yang mengelirukan dan tidak jelas hukumnya. Kita sepatutnya berwaspada supaya tidak mengambil atau mencubanya melainkan setelah dipastikan kehalalannya dan kebaikannya. Sebabnya, pengambilan makanan dan minuman yang syubhah boleh mengheret kepada penggunaan barangan yang haram secara tidak sengaja.

Pada masa yang sama, terdapat segelintir daripada kalangan peniaga secara tidak bertanggungjawab cuba memperdayakan para pengguna dengan menggunakan logo halal yang palsu, dan menggunakan logo halal pada produk yang haram.

Walaupun matlamat perniagaan adalah untuk mencari rezeki dan mendapat keuntungan, namun soal keberkatan dan keikhlasan tidak boleh diketepikan atau dipandang remeh. Mimbar ingin menegaskan bahawa mereka yang melakukan penipuan ini sebenarnya telah melakukan dosa dan mengkhianati masyarakat Islam.

Berdasarkan kepada keperluan ini dan keprihatinan pemerintah, maka dikuatkuasakan Akta Perihal Dagangan 2011. Melalui akta ini terdapat dua perintah yang menerangkan aspek halal iaitu Perintah

Perihal Dagangan (Takrifan **Halal**) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan Perakuan dan Penandaan Halal 2011 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012. Justeru mimbar menyeru kepada semua pihak agar bertanggungjawab dan mematuhi akta yang telah dikuatkuasakan ini.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Perlaksanaan Akta Perihal Dagangan 2011 ini adalah untuk membantu kelancaran pelaksanaan persijilan halal di negara kita. Justeru, semua pihak yang terlibat hendaklah mengikuti segala prosedur, standard dan segala aspek yang ditetapkan dalam persijilan halal. Kewujudan akta ini antara lain ialah bagi memastikan jaminan tanda halal hanya dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama yang berautoriti, bagi memastikan integriti halal terjamin sepanjang masa. Walaubagaimanapun perlu diingatkan dalam keghairahan kita membicarakan tentang halal sama ada dari segi akta, sistem kualiti dan pengurusannya, janganlah kita lupa bahawa rujukan sebenar halal dan persijilan halal hendaklah berdasarkan kepada syariah Islam sebagai ukuran yang mutlak.

Mimbar juga mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengingatkan umat Islam sekalian tentang bahayanya fitnah dan khabar angin yang melanda dalam masyarakat pada masa kini terutamanya melalui media massa seperti internet dan facebook. Fitnah adalah mengada-adakan sesuatu yang tidak ada atau mengaitkan diri seseorang dengan sesuatu yang tidak benar, ia adalah haram di dalam Islam. Ingatlah, fitnah hanya akan

memecah-belahkan, malah menggugat keharmonian dan perpaduan masyarakat. Justeru, mimbar menyeru agar kita menjauhi dan berhati-hati dengan khabar angin serta ancaman fitnah ini.

Pada kesempatan ini juga, mimbar menyeru umat Islam sekalian supaya prihatin dan menterjemahkannya dalam bentuk tindakan yang menampakkan hasil dan kesan. Laporkanlah sebarang keraguan yang tidak munasabah kepada pihak yang berwajib. Marilah kita bersama-sama meletakkan keutamaan untuk memilih hanya yang halal dalam setiap urusan kehidupan kita khususnya dalam aspek pemakanan. Sebagai umat Islam juga, kita harus berwaspada dengan produk-produk yang ada di pasaran. Pilihlah produk yang disahkan halal oleh badan-badan yang diiktiraf seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri. Marilah kita bekerjasama dalam menjayakan program pemakanan halal demi pembangunan dan kesejahteraan ummah.

Mengakhiri khutbah, khatib ingin mengajak para jemaah untuk bersama-sama menghayati beberapa kesimpulan berikut:

**Pertama** : Pilihlah produk yang disahkan halal oleh badan-badan yang diiktiraf seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri.

**Kedua** : Para pengusaha dan peniaga produk makanan dan minuman muslim adalah dituntut untuk memohon pensijilan halal



daripada pihak berwajib sebagai menyokong industri halal negara dan memartabatkan syariat Islam.

**Ketiga** : Orang ramai dialu-alukan untuk mendapatkan maklumat mengenai produk dan premis yang menyediakan makanan halal dengan menghubungi pihak Jabatan Agama Islam Sarawak.

Marilah kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Isra', ayat 70:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ  
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا (٧٠)

**Maksudnya:** *Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk yang telah Kami ciptakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي  
الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَاذْفَعْ عَنْهُمْ  
الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat

perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.